

'Gantung urus niaga langkah tepat'

BH 13 SEP 2001

KALANCAN peserta pasaran menyifatkan tindakan kerajaan menggantung dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), semalam berikutan penutupan pasaran saham Amerika Syarikat sebagai tepat dalam usaha menyekat berlakunya penjualan panik.

Dengan kerugian besar yang ditanggung bursa asing berikutan serangan pengganas terhadap New York dan Pentagon kelmarin, penutupan BSKL adalah perlu untuk 'menghalang kejutan yang tidak berasas'.

Ketua Penyelidik di TA Securities, Chie Kieng Ngu, berkata apabila beliau mendapat tahu mengenai serangan itu, reaksi segeranya ialah bahawa BSKL mungkin jatuh sebanyak di antara empat dan lapan peratus.

"Saya menjangka kejatuhan teruk di BSKL tetapi syukur kerana penutupan itu, ia tidak berlaku. Ia adalah keputusan segera yang tepat, iaitu langkah luar biasa bagi masa luar biasa," katanva di Kuala Lumpur, semalam.

Chie berkata, BSKL mungkin tidak mampu mengekalkan paras semasanya sebaik ia menyambung dagangan jika bursa seluruh dunia terus jatuh. Ia bergantung kepada pasaran dan peristiwa seterusnya.

Lkwat malam kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa BSKL ditutup semalam sebagai susulan kepada penutupan dagangan di semua bursa Amerika Syarikat.

Pengarah Urusan Capital Dynamics Asset Management Sdn Bhd, Tan Teng Boo, berkata penutupan BSKL dan beberapa bursa lain di negara ini bertujuan mengelakkan penjualan panik.

Bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa kejatuhan sementara akan berlaku di bursa itu apabila dagangan disambung semula kerana ia sejajar dengan prestasi kebanyakan bursa sejagat.